

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Jumaat, 27 September 2024



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

INDEKS PERDAGANGAN LUAR NEGERI, MALAYSIA, OGOS 2024

**Terma Perdagangan Malaysia berkembang 0.7 peratus pada Ogos 2024,
dipacu oleh minyak galian.**

PUTRAJAYA, 27 SEPTEMBER 2024 – Harga eksport Malaysia pada Ogos 2024 naik secara marginal 0.02 peratus daripada 150.2 mata pada bulan sebelumnya kepada 150.3 mata, manakala harga import jatuh 0.6 peratus kepada 129.6 mata. Sementara itu, terma perdagangan Malaysia berkembang 0.7 peratus bulan ke bulan kepada 116.0 mata, sebagaimana dipaparkan oleh laporan **INDEKS PERDAGANGAN LUAR NEGERI (2010=100), Ogos 2024** pada hari ini. Penerbitan ini memaparkan statistik indeks nilai seunit, indeks volum dan terma perdagangan meliputi 10 seksyen komoditi produk barangan selaras dengan Klasifikasi Standard Perdagangan Antarabangsa (SITC).

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menjelaskan, indeks nilai seunit eksport naik secara marginal 0.02 peratus pada Ogos 2024 berbanding bulan sebelumnya, disumbangkan oleh kenaikan indeks minyak galian (+1.2%), makanan (+0.6%) dan minyak & lemak binatang & sayur-sayuran (+0.2%). Namun begitu, indeks volum eksport turun 1.5 peratus selaras dengan penurunan indeks minyak & lemak binatang & sayur-sayuran (-13.7%), minyak galian (-5.9%) dan alat jentera & kelengkapan pengangkutan (-1.7%). Indeks volum eksport pelarasan bermusim bertambah 0.8 peratus daripada 169.1 mata kepada 170.5 mata. Merujuk kepada perbandingan tahunan, indeks

nilai seunit dan indeks volum masing-masing menokok 5.6 peratus dan 6.2 peratus.

Indeks nilai seunit import jatuh 0.6 peratus pada Ogos 2024, disumbangkan oleh kejatuhan indeks minyak galian (-3.2%), alat jentera & kelengkapan pengangkutan (-0.4%) dan barang-barang keluaran kilang (-0.3%). Sementara itu, indeks volum import turut menurun 0.3 peratus pada Ogos 2024 berbanding Julai 2024, disumbangkan oleh penurunan indeks minyak galian (-8.8%), pelbagai barang keluaran kilang (-4.8%) dan alat jentera & kelengkapan pengangkutan (-1.0%). Indeks volum import pelarasan bermusim menokok 2.0 peratus daripada 224.5 mata kepada 229.1 mata. Perbandingan tahun ke tahun menunjukkan indeks nilai seunit dan indeks volum import masing-masing berkembang 0.6 peratus dan 25.5 peratus.

Pada masa yang sama, terma perdagangan Malaysia bertambah 0.7 peratus bulan ke bulan kepada 116.0 mata pada Ogos 2024, didorong oleh kenaikan indeks minyak galian (+4.6%), makanan (+0.6%) dan alat jentera & kelengkapan pengangkutan (+0.2%). Terma perdagangan Malaysia tahun ke tahun menokok 5.0 peratus daripada 110.5 mata pada Ogos tahun lalu.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM sedang menjalankan Banci Pertanian 2024. Sila layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”. DOSM menyambut ulang tahun ke 75 Jubli Intan pada tahun 2024.



**Carta 1: Peratus Perubahan Bulan ke Bulan bagi Indeks Nilai Seunit Eksport & Import
Januari 2022 – Ogos 2024**

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

27 September 2024

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Friday, September 27th 2024



MEDIA STATEMENT

MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514, Federal Territory Putrajaya
Telephone no. : 03 - 8090 4681

EXTERNAL TRADE INDICES, MALAYSIA, AUGUST 2024

***Malaysia's Terms of Trade grew 0.7 per cent in August 2024,
driven by mineral fuels.***

PUTRAJAYA, SEPTEMBER 27, 2024 – Malaysia's export prices in August 2024 rose marginally by 0.02 per cent from 150.2 points in the previous month to 150.3 points, while import prices fell 0.6 per cent to 129.6 points. Meanwhile, Malaysia's terms of trade grew 0.7 per cent month-on-month to 116.0 points as reported today in **EXTERNAL TRADE INDICES (2010=100), August 2024**. This publication presents the unit value index, volume index and terms of trade for 10 commodity sections of merchandise products in accordance with the Standard International Trade Classification (SITC).

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin highlighted that, the export unit value index edged up marginally by 0.02 per cent in August 2024 as compared to the previous month, contributed by the increase in the index of mineral fuels (+1.2%), food (+0.6%) and animal & vegetable oils & fats (+0.2%). Nevertheless, the export volume index fell by 1.5 per cent in line with the decline in the index of animal & vegetable oils & fats (-13.7%), mineral fuels (-5.9%) and machinery & transport equipment (-1.7%). The seasonally adjusted export volume index increased by 0.8 per cent from 169.1 points to 170.5 points. Referring to the annual comparison, the unit value index and volume index increased by 5.6 per cent and 6.2 per cent respectively.

The import unit value index edged down 0.6 per cent in August 2024, contributed by the drop in the index of mineral fuels (-3.2%), machinery & transport equipment (-0.4%) and


manufactured goods (-0.3%). Meanwhile, the import volume index also decreased by 0.3 per cent in August 2024 as compared to July 2024, contributed by the decline in the index of mineral fuels (-8.8%), miscellaneous manufactured articles (-4.8%) and machinery & transport equipment (-1.0%). The seasonally adjusted import volume index rose 2.0 per cent from 224.5 points to 229.1 points. A year-on-year comparison showed that the unit value index and volume index grew by 0.6 per cent and 25.5 per cent respectively.

At the same time, Malaysia's terms of trade expanded 0.7 per cent month-on-month to 116.0 points in August 2024, driven by the increase in the index of mineral fuels (+4.6%), food (+0.6%) and machinery & transport equipment (+0.2%). Malaysia's terms of trade climbed 5.0 per cent year-on-year from 110.5 points in August previous year.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM is conducting the Agriculture Census 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is "Agriculture Census, Key to Agricultural Development."

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life". DOSM commemorates its 75th Diamond Jubilee in 2024.



**Chart 1: Month-on-Month Percentage Change of Export & Import Unit Value Indices
January 2022 – August 2024**

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA
27 September 2024**